

SOALAN NO: 488

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB MANIVANAN A/L GOWINDASAMY

SOALAN:

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan:-

- (a) tindakan yang pernah diambil terhadap pemilik hotel, premis makanan dan minuman yang mengenakan caj perkhidmatan tetapi tidak mengagihkan 90% daripada kutipan caj perkhidmatan kepada pekerjaannya bagi sepuluh tahun yang lepas bermula dari 1 Januari 2005 sehingga 31 Disember 2014. (Satu per satu mengikut tahun ke tahun); dan
- (b) apakah Kerajaan bercadang untuk meluluskan Rang Undang-Undang berkenaan Caj Perkhidmatan supaya ia dapat dinikmati sepenuhnya oleh golongan pekerja dan/atau untuk menambahkan tahap dan kualiti golongan pekerja dalam sektor berkenaan.

PR-1331-T69434

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga kini, Kementerian Sumber Manusia (KSM) tidak ada menerima apa-apa aduan atau tuntutan daripada pekerja terhadap mana-mana majikan yang tidak mengagihkan caj perkhidmatan kepada mereka.
2. KSM melalui Jabatan Tenaga Kerja akan mengambil tindakan terhadap mana-mana majikan yang melaku pelanggaran terma-terma di dalam kontrak perkhidmatan pekerjaan yang telah dipersetujui antara majikan dan pekerjanya termasuklah berhubung terma pemberian sejumlah wang caj perkhidmatan sekiranya jelas dinyatakan di dalam kontrak perkhidmatan tersebut.
3. Selepas siasatan dijalankan, tindakan yang boleh diambil ialah tindakan kompaun atau pendakwaan setelah majikan gagal mematuhi Notis Pematuhan yang dikeluarkan. Jika sabit kesalahan, majikan berkenaan boleh dikenakan denda sebanyak RM10,000.
4. Di samping itu, sekiranya pihak kesatuan sekerja tidak berpuashati kerana pihak majikan tidak mengagihkan 90% daripada kutipan caj perkhidmatan kepada pekerja sebagaimana yang termaktub di dalam perjanjian kolektif (*collective agreement*), maka pihak kesatuan sekerja tersebut boleh memfailkan kes secara bertulis terus ke Mahkamah Perusahaan di bawah Seksyen 56 Akta

Perhubungan Perusahaan (Akta 177) iaitu *award* dan perjanjian kolektif yang tidak dipatuhi.

5. Kerajaan berpendapat bahawa setakat ini Caj Perkhidmatan perlu dikekalkan sepertimana yang dilaksanakan sebelum pelaksanaan GST. Walau bagaimanapun, industri perlu meletakkan notis pengenaan caj perkhidmatan di premis masing-masing bagi memberi makluman kepada pengguna.

6. Pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telahewartakan peraturan P.U.(A)79 pada 23 April 2015 berkenaan Penandaan Caj Perkhidmatan Bagi Hotel dan Restoran di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 yang berkuatkuasa pada 1 Mei 2015. Kegagalan peniaga untuk mematuhi peraturan ini boleh dikenakan tindakan di bawah Perkara 5, P.U(A)79 Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Caj Perkhidmatan Bagi Hotel dan Restoran) 2015 dan jika disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000.00

7. Setakat ini Kerajaan belum bercadang untuk memperkenalkan undang-undang baru berkenaan Caj Perkhidmatan. Undang-Undang dan peraturan-peraturan sedia ada memadai dan mencukupi dalam menangani isu Caj Perkhidmatan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berdasarkan dasar terdahulu Kerajaan dan hasil pemantauan pada masa ini ke atas institusi memandu, adalah didapati tiada sebarang kes dapat diambil tindakan oleh JPJ bagi lima tahun bermula dari 1 Januari 2005 sehingga 31 Disember 2014 kerana mengenakan kadar yuran pembelajaran dan latihan pemanduan serta harga lesen memandu yang tidak munasabah. Walau bagaimanapun, JPJ akan terus menjalankan pemantauan bagi memastikan dasar harga siling latihan memandu dipatuhi oleh semua Institut Memandu dari semasa ke semasa.
- (b) Pengambilalihan yang telah dijalankan antara syarikat penyedia perkhidmatan AES oleh syarikat Irat Properties Sdn. Bhd. dan Boustead Holdings Berhad iaitu anak syarikat LTAT merupakan satu transaksi komersial. Oleh itu, transaksi pengambilan ini tidak melibatkan implikasi kewangan kepada pihak Kerajaan.

Kementerian menganggap bahawa LTAT telah menjalankan proses penilaian bagi transaksi ini dan mengikut kepakaran serta pengamalan LTAT dalam bidang pelaburan, LTAT telah mendapati bahawa pengambil alihan ini merupakan satu peluang yang berbaloi. Dengan itu, LTAT telah mengenalpasti manfaat pelaburan bagi pengambil alihan ini dan oleh yang demikian, tindakan ini bukan merupakan suatu tindakan *bail out*.